BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 04/03/47 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Isnin, 28 April 2003

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Mac 2003

Aktiviti pembiayaan sektor swasta meningkat pada bulan Mac

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus berkembang pada bulan Mac. Mudah tunai kekal lega, sementara purata kadar pinjaman bagi syarikat kewangan terus menurun. Dalam keadaan kadar faedah yang rendah, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman mencatatkan kadar pertumbuhan dua-angka yang kukuh. Dana yang lebih tinggi juga diperoleh di pasaran sekuriti hutang swasta. Aktiviti pembiayaan yang lebih kukuh ini memberi dorongan utama bagi pertumbuhan M3, yang berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.8% pada bulan Mac. Pertumbuhan 8.4% dalam M1 juga menunjukkan asas permintaan bagi baki urusniaga kekal tinggi.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 04/03/47 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Isnin, 28 April 2003**

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
MAC 2003

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus berkembang pada bulan Mac. Mudah tunai kekal lega, sementara purata kadar pinjaman bagi syarikat kewangan terus menurun. Dalam keadaan kadar faedah yang rendah, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman mencatatkan kadar pertumbuhan dua-angka yang kukuh. Dana yang lebih tinggi juga diperoleh di pasaran sekuriti hutang swasta. Aktiviti pembiayaan yang lebih kukuh ini memberi dorongan utama bagi pertumbuhan M3, yang berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.8% pada bulan Mac. Pertumbuhan 8.4% dalam M1 juga menunjukkan asas permintaan bagi baki urusniaga kekal tinggi.

Kadar faedah kekal rendah, menyokong permintaan untuk pembiayaan

Pada bulan Mac, **kadar faedah antara bank** kekal rendah dan stabil. Pada bulan tersebut, BNM telah menyerap lebihan mudah tunai daripada sistem bagi menstabilkan kadar faedah pada paras semasa.



BNM menyerap mudah tunai daripada sistem bagi menstabilkan kadar faedah pada paras semasa



Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lega



Kadar faedah antara bank kekal rendah dan stabil

Purata kadar pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan kekal stabil, manakala bagi syarikat kewangan pula terus menunjukkan arah aliran menurun. **Kadar faedah pinjaman asas (BLR)** bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah.



ALR syarikat kewangan terus menunjukkan arah aliran menurun, manakala bagi bank perdagangan pula kekal stabil. BLR kekal tidak berubah.

Struktur terma kadar deposit tetap bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan pada 15 April 2003, kekal tidak berubah.



Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah



...begitu juga bagi syarikat kewangan



Kadar benar deposit tetap 3-bulan adalah lebih tinggi disebabkan oleh kadar inflasi yang lebih rendah pada bulan Mac

Prestasi Ringgit

Pada bulan Mac, **ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama.** Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit meningkat berbanding yen Jepun dan paun sterling, masing-masing sebanyak 1.6% dan 0.2%, sementara menyusut nilai berbanding mata wang euro sebanyak 0.7%. Walaupun pada mulanya mata wang AS menjadi kukuh berikutan bermulanya peperangan di Iraq, dolar AS beransur-ansur lemah berbanding euro atas kebimbangan pasaran bahawa peperangan di Iraq akan berlanjutan lebih lama daripada yang di jangkakan. Kelemahan paun sterling mencerminkan beberapa perletakan jawatan berprofil tinggi dalam Parti Buruh yang memerintah disebabkan penglibatan Britain dalam konflik di Iraq.



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur pada bulan Mac

Ringgit turut mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.6% - 5.9%, manakala menyusut nilai berbanding peso Filipina sebanyak 1.7% dan secara relatifnya kekal tidak berubah berbanding rupiah Indonesia. Selain daripada kiriman wang daripada pekerja di luar negara, peso Filipina turut disokong oleh pelaksanaan beberapa langkah oleh bank pusat bagi membendung aktiviti spekulatif dan arahan kerajaan yang keperluan simpanan minyak yang perlu dikekalkan oleh penapis minyak kepada tahap kecukupan dikurangkan separuh kepada selama hanya 15 hari. Sebaliknya, won Korea dipengaruhi secara negatif oleh ketegangan yang semakin meruncing berkenaan perkembangan di Korea Utara, serta kebimbangan pasaran mengenai skandal perakaunan yang melibatkan konglomerat yang keempat terbesar di Korea.



Ringgit turut mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 23 April 2003**, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama, sementara menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau. Selaras dengan pergerakan dolar AS, ringgit meningkat nilai berbanding yen Jepun sebanyak 0.4%, sementara menyusut nilai berbanding euro sebanyak 1.3% dan secara relatifnya kekal tidak berubah berbanding paun sterling. Dolar AS disokong terutamanya oleh penerbitan beberapa data ekonomi yang positif, termasuk data penjualan runcit yang melebihi jangkaan bagi bulan Mac, peningkatan yang tinggi pada harga pengeluar bulan Mac, dan peningkatan yang mendadak bacaan tinjauan sentimen pengguna Universiti Michigan bagi bulan April. Tambahan lagi, dolar AS juga mendapat manfaat daripada yen Jepun yang lebih lemah berikutan pembelian bersih yang banyak bon luar negara oleh pelabur Jepun dalam dua minggu pertama bulan April. Namun begitu, mata wang euro terus menjadi semakin kukuh berbanding dolar AS disebabkan sikap pelabur yang mengambil kesempatan daripada kadar faedah di kawasan euro yang lebih tinggi berbanding kadar faedah bagi dolar AS. Sementara itu, ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.4% - 3.1%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Mac. 2003	23 Apr. 2003	% Perubahan			
				Mac 2003	Akhir Mac - 23 Apr. 2003	Akhir-2002 - 23 Apr. 2003	2 Sep. 1998 - 23 Apr. 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.1145	4.1669	-0.7	-1.3	-4.5	-
Paun sterling	6.3708	5.9898	5.9915	0.2	0.0	1.7	6.3
100 yen Jepun	2.7742	3.1774	3.1636	1.6	0.4	1.2	-12.3
Dolar Singapura	2.1998	2.1523	2.1391	1.6	0.6	2.3	2.8
100 baht Thai	9.3713	8.8588	8.8941	0.6	-0.4	-0.9	5.4
100 peso Filipina	8.8302	7.0948	7.2305	-1.7	-1.9	-1.2	22.1
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0427	0.0433	0.0	-1.5	-1.9	-18.3
100 won Korea	0.2827	0.3019	0.3117	5.9	-3.1	2.6	-9.3

Inflasi menyusut pada bulan Mac

Kadar **inflasi** tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100), menyusut kepada 0.7% pada bulan Mac (Februari: 1.6%). Ini terutamanya mencerminkan berakhirnya kesan pelarasan harga ke atas caj telefon, yang dilaksanakan pada 1 Mac 2002.



Inflasi menyusut pada bulan Mac

Harga pengeluar terus meningkat

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat sebanyak 13.1% pada bulan Februari (Januari: 12.9%), mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sebanyak 0.5%.



Harga pengeluar terus meningkat

Wang secara luas terus meningkat

Pada asas tahunan, ketiga-tiga agregat monetari, M1, M2 dan M3, terus berkembang masing-masing sebanyak 8.4%, 5.7% dan 6.8% pada akhir bulan Mac (masing-masing sebanyak 6.2%, 6% dan 6.4% pada akhir bulan Februari). Pada bulan tersebut, perkembangan dalam wang secara luas, M3 (+RM2.8 bilion) berpunca terutamanya daripada peningkatan aktiviti pembiayaan yang mencerminkan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih tinggi oleh sistem perbankan (+RM3.3 bilion). Pengeluaran deposit oleh sebuah institusi bukan

kewangan daripada BNM serta penurunan peruntukan bagi kerugian peminjaman juga menyebabkan pengembangan ke atas sistem. Pertumbuhan M1 yang kukuh dan berterusan mencerminkan permintaan bagi baki urusniaga yang kukuh.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Pada asas tahunan, ketiga-tiga ageragat monetari terus berkembang...

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2002	2003		
	Jan	Feb	Mac	Jan - Mac
M3	7.8	2.1	2.8	12.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	5.4	-0.9	0.3	4.7
Tuntutan ke atas sektor swasta	4.2	1.3	1.7 1/	7.1
Operasi luar bersih 2/	-0.4	0.3	-2.1	-2.1
Pengaruh lain	-1.3	1.4	2.9	3.0

1/ Tuntutan ke atas sektor swasta adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM3.5 bilion sekiranya pelupusan pinjaman diambil kira
2/ Sebelum penilaian semula

... berpunca terutamanya oleh peningkatan aktiviti pembiayaan perbankan

Deposit sistem perbankan lebih tinggi pada bulan Mac

Jumlah **deposit** sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM4.2 bilion atau 0.8% pada bulan Mac. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh individu dan perusahaan perniagaan dan simpanan antara institusi kewangan yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, jumlah deposit sistem perbankan meningkat sebanyak 6% pada akhir bulan Mac.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Jan.	**Feb.**	**Mac**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	122	-457	325
Kerajaan Negeri	290	187	-52
Badan Berkanun[1/]	697	-1,145	214
Institusi Kewangan	-789	-1,249	2,444
Perusahaan Perniagaan	414	3,880	783
Individu	2,436	4,080	535
Lain-lain	0	0	0
Jumlah	**3,169**	**5,296**	**4,249**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit yang lebih tinggi terus disimpan oleh perusahaan perniagaan dan individu...

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Jan.	**Feb.**	**Mac**
Jenis			
Deposit tetap	3,331	2,469	4,168
NID	468	-563	2,004
Deposit permintaan	340	-517	-596
Deposit tabungan	603	464	-801
Perjanjian beli balik *(Repo)*	-1,217	3,083	-242
Deposit mata wang asing	9	131	-396
Deposit SPI	-154	-192	208
Lain-lain	-209	421	-96
Jumlah	**3,169**	**5,296**	**4,249**

.... terutama dalam bentuk simpanan tetap dan NID

Pembiayaan sektor swasta meningkat



Pembiayaan kasar meningkat dengan ketara

Pembiayaan kasar kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan melalui dana yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat dengan ketara pada bulan Mac, berjumlah RM46.7 bilion (RM31.7 bilion pada bulan Februari). Aktiviti berian pinjaman oleh sistem perbankan terus meningkat pada bulan Mac, dengan kenaikan permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing sebanyak 22.1%, 39.1%, dan 27.8%. Berdasarkan siri yang telah dinyahmusim, permintaan asas untuk dana kekal tinggi untuk permohonan dan kelulusan pinjaman, dua penunjuk pelopor aktiviti berian pinjaman. Pada bulan ini, pinjaman yang lebih tinggi disalurkan kepada sektor perkilangan (kenaikan sebanyak 19.8% berbanding bulan Februari); perdagangan borong dan runcit (+11.5%); serta perkhidmatan kewangan dan perniagaan (+75.1%). Pengeluaran kepada individu, yang mencakup sebanyak 26% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan, adalah terutamanya untuk pembelian rumah kediaman (7.6% daripada jumlah pengeluaran) dan kereta penumpang (6.1%).

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman meningkat pada bulan Mac

Penunjuk Pinjaman yang telah Dinyahmusim (RM bilion)



Berdasarkan siri yang telah dinyah musim, permintaan untuk pinjaaman kekal tinggi

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Sebahagian besar daripada pengeluaran terus disalurkan kepada perniagaan

Pinjaman untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang meningkat pada bulan Mac, masing-masing sebanyak RM1.2 bilion dan RM0.4 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman yang belum dijelaskan menurun mencerminkan bayaran balik pinjaman serta pinjaman yang dihapus kira dan ditukar yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, pinjaman terus meningkat sebanyak 3.2% pada akhir bulan Mac (3.9% pada akhir bulan Februari). Termasuk pinjaman yang dihapus kira dan ditukar, pertumbuhan pinjaman berada pada 3.2%.

Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh dari pasaran modal

Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh dari pasaran modal pada bulan Mac (RM13.7 bilion; RM9.7 bilion pada bulan Februari), terutamanya disebabkan terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih tinggi. Sebahagian besar daripada terbitan PDS pada bulan ini (66.6% daripada jumlah kasar terbitan PDS) diterbitkan oleh sebuah syarikat korporat utama bagi tujuan pengstrukturan semula hutang korporat. Dana yang diperoleh dari pasaran ekuiti kekal rendah berikutan sentimen pasaran yang lemah. Di sektor awam, sejumlah RM13.3 bilion diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan bon Khazanah. Walau bagaimanapun, setelah ditolak penebusan, dana bersih yang diperolehi oleh sektor awam berjumlah RM3 bilion.



1/ Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana yang lebih tinggi diperoleh dari pasaran modal

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) merosot pada bulan Mac. Dalam tempoh 1-19 Mac, IK BSKL merosot sebanyak 3.3%, disebabkan ketidaktentuan mengenai ketegangan di Timur Tengah. Seterusnya, prestasi pasaran pulih berikutan tanggapan bahawa peperangan di Iraq akan berakhir dalam tempoh yang singkat. Bagi bulan ini, IK BSKL ditutup pada 635.72 mata pada 31 Mac, penurunan sebanyak 1.7% sejak akhir bulan Februari. Modal pasaran berjumlah sebanyak RM477.39 bilion, penurunan sebanyak 1.7% sejak akhir bulan Februari. Purata urusniaga harian adalah lebih tinggi sebanyak 163.2 juta unit, mencerminkan terutamanya aktiviti dagangan yang meningkat di antara 20-31 Mac.



IK BSKL kekal rendah pada bulan April

Sepanjang tiga minggu pertama bulan April, dagangan di BSKL kekal pada paras sebelumnya berikutan sentimen yang terjejas oleh ketidaktentuan mengenai kesan selepas peperangan di Iraq serta merebaknya Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS). Disebabkan beberapa saham-saham berkaitan indeks terjejas terutamanya di dalam industri pelancongan dan perkhidmatan, IK BSKL ditutup pada

635.61 mata pada 23 April, penurunan sebanyak 1% sejak akhir bulan Mac. Purata urusniaga harian rendah sedikit sebanyak 155.75 juta unit dengan modal pasaran sebanyak RM477.64 bilion (-0.3% sejak akhir bulan Mac).

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM132.6 bilion atau AS$34.9 bilion pada 31 Mac 2003, selepas mengambil kira pelarasan suku tahun yang menghasilkan keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi sebanyak AS$211 juta pada suku pertama. Pembawaan pulang perolehan eksport yang lebih besar dan aliran masuk pendapatan pelaburan dan pelaburan langsung asing yang berterusan pada bulan Mac telah diatasi oleh pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan yang lebih besar, aliran keluar dana portfolio dan pembayaran balik hutang luar negara. Pembawaan pulang perolehan eksport yang berkekalan dan pendapatan pelaburan menyokong peningkatan selanjutnya rizab antarabangsa pada separuh pertama bulan April. Rizab meningkat sebanyak RM1 bilion atau AS$0.3 bilion kepada RM133.6 bilion atau AS$35.2 bilion pada 15 April 2003. Aliran keluar dalam tempoh ini mencerminkan terutamanya pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, dan sebahagiannya aliran keluar dana portfolio dan pembayaran balik pinjaman luar negara. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 5.5 bulan import tertangguh dan adalah 4.2 kali hutang luar negara jangka pendek.



Rizab antarabangsa bersih terus dengan tren peningkatan

Sistem perbankan mengekalkan kekukuhannya

Kekukuhan modal sistem perbankan Malaysia terus kekal pada paras yang tinggi pada akhir bulan Mac 2003. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) meningkat sedikit kepada 13.1%. Kesan kenaikan aset berwajaran risiko telah dikurangkan oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam modal asas lanjutan daripada kemasukan keuntungan yang telah diaudit ke dalam modal asas oleh beberapa institusi perbankan. NPL bersih (klasifikasi – 6 bulan) menurun sebanyak RM1.7 bilion kepada tahap RM30 bilion atau 7% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir bulan Mac 2003. Penurunan ini adalah disebabkan terutamanya oleh penukaran pinjaman oleh satu peminjam bersaiz besar di bawah usaha penyusunan semula pinjaman yang diterajui CDRC dan pinjaman dihapus kira.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001	2002	2003		
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Jan.	Feb.	Mac
Modal (%)								
Nisbah modal teras (%)	8.7	10.1	10.7	11.1	10.7	10.9	10.9	10.9
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	12.8	13.0	13.0	13.1
NPL bersih (klasifikasi-6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	7.3	7.4	7.0
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	31,359	31,721	30,037
Peruntukanam/Jumlah pinjaman (6-bulan, %)	2	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



..Nisbah NPL bersih menurun kepada 7.0%

Petunjuk Kedudukan Modal



....Kedudukan modal terus mantap dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing berada pada tahap 13.1% dan 10.9%

Bank Negara Malaysia
28 April 2003

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Februari 2003		Mac 2003	
	Baki (RM billion)	Pertumbuhan tahunan (%)	Baki (RM billion)	Pertumbuhan tahunan (%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	43.4	4.3	43.1	5.4
M1	89.3	6.2	88.4	8.4
M2	390.4	6.0	390.7	5.7
M3	511.1	6.4	513.9	6.8
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	513.0	5.5	517.2	6.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	492.3	3.9	491.4	3.2
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	429.7	3.8	429.1	3.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)	83.8		83.0	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	9.3	-3.1	12.9	20.8
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	27.4	-10.5	35.0	2.5
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	28.0	-2.5	35.7	10.7
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.0		13.1	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	7.4		7.0	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	132.2		132.6	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	34.8		34.9	
Bilangan bulan import tertangguh	5.4		5.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.87[2.98]		2.99[2.99]	
3-bulan	2.86[2.89]		2.90[2.86]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39[6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.2	1.6	104.0	0.7
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	140.6	13.1	n.a	n.a
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	4.0867		4.1145	
Paun Sterling	6.0021		5.9898	
Dolar Singapura	2.1865		2.1523	
100 Yen Jepun	3.2281		3.1774	
100 Baht Thai	8.9087		8.8588	
100 Peso Filipina	6.9744		7.0948	
100 Rupiah Indonesia	0.0427		0.0427	
100 Won Korea	0.3196		0.3019	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	5.0		3.036	
sektor swasta (RM bilion)	4.658		10.645	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	646.80		635.72	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	485.76		478.30	